

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[BATU PAHAT]**

**SOALAN : NO. 383**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan kedudukan terakhir jumlah siswazah pelbagai jurusan dan dilihat secara perbandingan siswazah lelaki dan wanita yang menganggur dan menunjukkan unsur-unsur perbezaan nyata antara jantina dalam isu pengangguran ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2016 menunjukkan bilangan graduan lelaki yang belum bekerja adalah seramai 19,583 orang iaitu 36%, manakala bilangan graduan perempuan pula seramai 34,520 orang iaitu 64%.

Antara sebab-sebab utama graduan berkenaan masih belum bekerja adalah seperti berikut:

- (i) Sedang mencari pekerjaan;
- (ii) Tanggungjawab terhadap keluarga;
- (iii) Menunggu penempatan melanjutkan pengajian; dan
- (iv) Masalah kesihatan.